

10/08/2000

Menteri lawat Menara Petronas

BUAT kali pertama, jemaah menteri diketuai Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, melakukan lawatan ke Menara Kembar Petronas, bangunan tertinggi di dunia, di ibu negara semalam.

Lawatan yang turut disertai Timbalannya, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi itu diadakan selepas mesyuarat mingguan Kabinet di Putra Jaya.

Ketibaan Dr Mahathir dan jemaah menteri itu disambut Pengerusi Petronas, Tan Sri Azizan Zainul Abidin serta Presiden dan Ketua Eksekutifnya, Tan Sri Mohd Hassan Marican.

Mereka diberi taklimat mengenai Kuala Lumpur City Centre (KLCC) oleh Pengarah Urusan KLCC Urusharta Sdn Bhd, Arlida Ariff, serta menghadiri jamuan makan tengah hari.

(END)